

# Operasi bas pengantara, MRT serentak Disember

**Kuala Lumpur:** Mass Rapid Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) semalam menjelaskan sudah bersedia untuk memulakan operasi bas pengantara serentak dengan operasi fasa 1 laluan Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) pada Disember depan.

Fasa 1 membabitkan Stesen Sungai Buloh hingga ke Stesen Semantan.

Pengarah Pengurusan Aset dan Operasinya, Mahmood Abdul Razak, berkata pihak Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) sudah menyerahkan rancangan perjalanan berkenaan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD).

Beliau berkata, bagi fasa pertama sebanyak 160 bas akan ditempatkan meliputi kawasan da-

lam lingkungan tiga kilometer dari sekitar stesen dengan kekerapan 10 minit, tertakluk kepada keadaan lalu lintas, manakala baki 140 beroperasi pada fasa kedua bermula Julai 2017.

## Enam bulan kajian

"Kajian akan dijalankan terhadap bas pengantara dari permulaan operasi pada Disember 2016 se-



Kajian akan dijalankan terhadap bas pengantara dari permulaan operasi pada Disember 2016 selama enam bulan di mana permintaan terhadap bas pengantara akan dipantau dan diselaraskan"

**Mahmood Abdul Razak,**  
*Pengarah Pengurusan Aset dan Operasi MRT Corp*

lama enam bulan di mana permintaan terhadap bas pengantara akan dipantau dan diselaraskan," katanya.

MRT Corp dalam kenyataan mengulas laporan BH bertajuk 'Operasi bas pengantara MRT laluan Sungai Buloh, Kajang mula 1 Oktober' yang disiarkan pada 3 Ogos lalu.

Bas Rapid dilantik sebagai pengendali bas pengantara di stesen MRT.

Mengulas mengenai pertindihan lokasi dengan bas RapidKL, beliau berkata, tidak timbul isu pertindihan kerana bas pengantara tidak akan memasuki laluan RapidKL.

"Kita akan beroperasi di kawasan lain. Ini bagi memastikan liputan kawasan lebih meluas daripada apa yang kita boleh lakukan sendirian," katanya.